

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @  
HASHIM**

**KAWASAN : KUALA TERENGGANU**

**SOALAN :**

**YB TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM minta  
MENTERI KERJA RAYA menyatakan statistik kemalangan mengikut  
tahun di LPT2 terutamanya bilangan kemalangan maut dan adakah  
Kerajaan berpuas hati dengan tahap keselamatan lebuh raya LPT2.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) sepanjang 184 kilometer bermula dari Jabor hingga Kg Gemuroh, Kuala Terengganu pada tahun 2006 telah siap secara berperingkat dimana keseluruhannya dibuka kepada trafik sepenuhnya pada 31 Januari 2015. Lanjutan daripada itu, LPT2 telah mula diswastakan dan pelaksanaan kutipan tol telah berkuatkuasa pada 15 Julai 2016 dimana segala aspek pentadbiran, operasi dan penyenggaraan adalah dibawah tanggungjawab syarikat konsesi LPT2 SDN BHD sepenuhnya. Berkaitan dengan itu, bermula pada 15 Julai 2016, pihak LPT2 Sdn Bhd telah melaksanakan kerja-kerja operasi dan penyenggaraan seperti mana yang telah termaktub di dalam Perjanjian konsesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada analisa statistik kemalangan di LPT2 bermula dari tarikh penswastaan Lebuhraya LPT2 pada 15 Julai 2016 hingga 15 September 2019, didapati sebanyak 2625 kes kemalangan dicatatkan berlaku di jajaran LPT2 bermula dari Jabor hingga Kg. Gemuroh, Kuala Terengganu dalam tempoh tersebut.

Daripada jumlah itu, 76 peratus (1985 kemalangan) berpunca daripada faktor manusia seperti memandu dalam keadaan mengantuk, memandu melebihi had laju terutamanya diwaktu hujan, cuai serta gagal mematuhi arahan keselamatan sebagaimana yang telah ditetapkan. Sebihnya merupakan faktor persekitaran iaitu sebanyak 17 peratus (469 kemalangan) di mana terdapat pencerobohan haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau serta haiwan liar ke dalam rezab lebuhraya serta terdapat lokasi air bertakung di waktu hujan. Selebihnya merupakan faktor kenderaan iaitu sebanyak 7 peratus (171 kemalangan). Daripada jumlah kemalangan tersebut, terdapat 68 kemalangan maut, 269 kemalangan melibatkan kecederaan parah dan 490 kemalangan melibatkan kecederaan ringan dan selebihnya tidak melibatkan sebarang kecederaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya keadaan jalan di Lebuhraya LPT2 masih di dalam keadaan selamat dan mengikut kajian statistik yang dijalankan oleh syarikat konsesi, faktor utama kemalangan adalah berpunca daripada faktor manusia yang menyumbang melebihi 70 peratus daripada jumlah kemalangan yang telah direkodkan. Namun bagi memastikan lebuhraya terus berada di dalam keadaan yang lebih baik dan mengurangkan risiko kemalangan kepada pemandu dengan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- 1) Menambahbaik permukaan lebuhraya dengan memasang *Microsurfacing* bagi meningkatkan tahap geseran pada permukaan lebuhraya;
- 2) Pemasangan papantanda amaran (chevron);
- 3) Pemasangan *Yellow / Red Tranverse Bar* di Jalan Susur Keluar/ Masuk Persimpangan;
- 4) Pemasangan pelekat pantulan cahaya di struktur Rel Adang dan Parapet jambatan;
- 5) Pemasangan *Alert Bar Marking* bagi tujuan memperlahangkan had laju kenderaan;
- 6) Menambahbaik sistem perparitan seperti *Median Drain* dan membina sistem penghadang aliran air di lokasi lintasan air; dan
- 7) Membaikpulih permukaan lebuhraya di lokasi-lokasi berlakunya takungan air.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya meletakkan keselamatan pengguna sebagai keutamaan tertinggi. Oleh itu, pemantauan secara berterusan dan penguatkuasaan peraturan jalanraya akan dilaksanakan bersama-sama dengan agensi yang berkaitan.

Sekian terima kasih.